

**Kad Lady's UOBM  
Terma dan Syarat**

**Berkuatkuasa 5 November 2020**

**Am**

Terma dan syarat ini ("**Terma dan Syarat**") adalah terpakai untuk Kad Lady's UOB yang dikeluarkan oleh United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("**UOBM**") kepada Ahli Kad dan harus dibaca bersama Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard UOBM ("**Perjanjian Ahli Kad**").

Demi mengelakkan keraguan, "**Ahli Kad**" merujuk kepada kedua-dua Ahli Kad utama dan tambahan.

Kecuali ditakrif secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Terma dan Syarat ini akan mempunyai makna yang sama seperti di dalam Perjanjian Ahli Kad.

UOBM berhak untuk menentukan semua perkara berhubung dengan ganjaran atau penggunaan mana-mana atau semua manfaat dan keistimewaan yang dinyatakan di bawah dan keputusan UOBM adalah muktamad dan akan mengikat terhadap Ahli Kad. Manfaat dan keistimewaan yang dihuraikan di bawah boleh dipinda, ditambah atau ditarik balik oleh UOBM dengan pemberian notis terlebih dahulu.

**Program Ganjaran Kad Lady's UOBM**

1. Berikut adalah ganjaran yang ditawarkan melalui Program Ganjaran:

**A. 10X UNIRinggit untuk Perbelanjaan Fesyen ("Fashion Ten")**

- I. Tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, Ahli Kad layak mendapat 10X UNIRM untuk setiap perbelanjaan RM1.00 ke atas pembelian fesyen yang mempunyai Kod Kategori Penjual ("**MCC**") seperti yang disenaraikan dalam Jadual A di bawah yang dikategorikan sebagai Fesyen dan Kecantikan Runcit. Semua transaksi harus dibuat secara langsung atau atas talian kepada MCC yang disenaraikan ("**Perbelanjaan Layak**").

**Jadual A**

Kategori	Kod Kategori Penjual (MCC)
Fesyen dan Kecantikan Runcit	5611 Kedai Pakaian dan Aksesori Lelaki 5621 Kedai Sedia-untuk-dipakai Perempuan 5631 Kedai Aksesori dan Keistimewaan Perempuan 5641 Kedai Pakaian Kanak-kanak dan Bayi 5651 Kedai Pakaian Keluarga 5655 Kedai Pakaian Sukan dan Menunggang 5661 Kedai Kasut 5681 Kedai Bulu

<b>Keperluan Rumah</b>	5691 Kedai Pakaian Lelaki dan Perempuan 5697 Kedai Jahit, Pengubahan, Pembaikan, Tukang Jahit 5698 Kedai Rambut Palsu 5699 Kedai Aksesori dan Pakaian—Lain-lain 5941 Kedai Barang Sukan 5944 Barang Kemas, Jam Tangan, dan Barangan Perak Dapur 5094 Batu Permata/Jam Tangan dan Barang Kemas 5977 Kedai Kecantikan/Kosmetik
	5411 Kedai Barang Keperluan Rumah/Pasar Raya

- II. Perbelanjaan Layak haruslah dirakamkan sebagai diluluskan oleh sistem kad kredit yang dikendalikan oleh UOBM untuk melayakkan Ahli Kad menerima 10X UNIRM tersebut.
- III. Demi mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Layak yang dibuat oleh Ahli Kad tambahan akan digabungkan dengan Perbelanjaan Layak Ahli Kad utama dan UNIRM akan dikreditkan ke dalam akaun Ahli Kad utama.
- IV. UNIRM tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun kad Ahli Kad dalam masa dua (2) bulan selepas bulan semasa Perbelanjaan Layak dibuat. UNIRM tersebut akan disenaraikan di dalam Penyata Akaun yang berikut selepas UNIRM dikreditkan.
- V. Jumlah UNIRM yang diberikan setiap bulan kepada semua Ahli Kad yang mempunyai Perbelanjaan Layak adalah dihadkan seperti yang disenaraikan dalam Jadual B di bawah dan akan diberikan berdasarkan kaedah “yang dahulu didahulukan” dan tertakluk pada ketersediaan. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan Ahli Kad sekiranya pembayaran UNIRM telah mencapai had tersebut.

**Table B**

<b>Jenis Kad</b>	<b>Had Bulanan</b>
<b>Lady’s Classic</b>	Maksimum 8,000 UNIRM setiap bulan
<b>Lady’s Platinum</b>	Maksimum 15,000 UNIRM setiap bulan
<b>Lady’s Solitaire</b>	Maksimum 20,000 UNIRM setiap bulan
<b>Jumlah Besar Had Kad Lady’s</b>	Maksimum 20,000,000 UNIRM setiap bulan

- VI. Semasa UNIRM dikreditkan, akaun(-akaun) Kad Lady’s UOB Ahli Kad hendaklah berada dalam keadaan sah, semasa, wujud, dan dalam kedudukan kredit yang bagus seperti yang ditentukan

oleh UOBM dan tidak melanggar mana-mana terma dan syarat ini dan terma dan syarat yang termaktub dalam Perjanjian Ahli Kad.

#### **B. 5X UNIRinggit untuk Perbelanjaan Keperluan Rumah (“Groceries Five”)**

- I. Tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, Ahli Kad utama dan tambahan layak mendapat 5X UNIRM untuk setiap perbelanjaan RM1.00 ke atas pembelian yang dibuat di pasar raya dan pasar raya besar dengan MCC 5411 (“**Perbelanjaan Layak**”). Perbelanjaan Layak haruslah dirakamkan sebagai diluluskan oleh sistem kad kredit yang dikendalikan oleh UOBM untuk melayakkan Ahli Kad menerima 5X UNIRM tersebut.
- II. Demi mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Layak yang dibuat oleh Ahli Kad tambahan akan digabungkan dengan Perbelanjaan Layak Ahli Kad utama dan UNIRM akan dikreditkan ke dalam akaun Ahli Kad utama dalam masa dua (2) bulan selepas bulan semasa Perbelanjaan Layak dibuat. UNIRM tersebut akan disenaraikan di dalam Penyata Akaun yang berikut selepas UNIRM dikreditkan.
- III. Jumlah UNIRM yang diberikan setiap bulan kepada semua Ahli Kad yang mempunyai Perbelanjaan Layak adalah dihadkan seperti yang disenaraikan dalam Jadual C di bawah dan akan diberikan berdasarkan kaedah “yang dahulu didahulukan” dan tertakluk pada ketersediaan. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan Ahli Kad sekiranya pembayaran UNIRM telah mencapai had tersebut.

**Table C**

Jenis Kad	Had Bulanan
Lady’s Classic	Maksimum 8,000 UNIRM setiap bulan
Lady’s Platinum	Maksimum 15,000 UNIRM setiap bulan
Lady’s Solitaire	Maksimum 20,000 UNIRM setiap bulan
Jumlah Besar Had Kad Lady’s	Maksimum 20,000,000 UNIRM setiap bulan

- IV. Semasa UNIRM dikreditkan, akaun(-akaun) Kad Lady’s UOB Ahli kad hendaklah berada dalam keadaan sah, semasa, wujud, dan dalam kedudukan kredit yang bagus seperti yang ditentukan oleh UOBM dan tidak melanggar mana-mana terma dan syarat ini dan terma dan syarat yang termaktub dalam Perjanjian Ahli Kad.

### **C. 5X UNIRinggit untuk Perbelanjaan Luar Negara Kad Solitaire (“Overseas Five”)**

- I. Tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, Ahli Kad layak mendapat 5X UNIRM untuk setiap perbelanjaan RM1.00 ke atas pembelian yang dibuat di luar negara termasuk transaksi atas talian di mana transaksi tersebut dalam matawang asing selain Ringgit Malaysia (“**Perbelanjaan Layak**”). 5X UNIRM tersebut adalah berdasarkan penukaran Perbelanjaan Layak ke Ringgit Malaysia. 5X UNIRM tersebut akan diberikan oleh sistem kad kredit yang dikendalikan oleh UOBM dan disenaraikan di dalam Penyata Akaun bulan yang berikut.
- II. Demi mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Layak yang dibuat oleh Ahli Kad tambahan akan digabungkan dengan Perbelanjaan Layak Ahli Kad utama, tetapi UNIRM akan dikreditkan ke akaun kad Ahli Kad utama.
- III. Semasa UNIRM dikreditkan, akaun(-akaun) Kad Lady’s Solitaire UOB Ahli kad hendaklah berada dalam keadaan sah, semasa, wujud, dan dalam kedudukan kredit yang bagus seperti yang ditentukan oleh UOBM dan tidak melanggar mana-mana terma dan syarat ini dan terma dan syarat yang termaktub dalam Perjanjian Ahli Kad.

### **D. Program Mata Ganjaran UNIRinggit (“Mata UNIRM”)**

- I. 1X Mata UNIRM akan diberikan untuk mana-mana perbelanjaan yang dibuat dengan Kad Lady’s UOBM kecuali perbelanjaan yang disenaraikan dalam Fasal 1A hingga 1C di atas.
- II. Penebusan Mata UNIRM adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Program Mata Ganjaran UNIRinggit di [https://www.uob.com.my/assets/pdf/UNIRinggit/ur\\_tnc.pdf](https://www.uob.com.my/assets/pdf/UNIRinggit/ur_tnc.pdf) (“**Terma dan Syarat untuk Ganjaran UNIRinggit**”)
- III. Mata UNIRM tersebut yang dikumpul oleh kedua-dua Ahli Kad utama dan tambahan akan dikreditkan ke dalam akaun kad Ahli Kad utama dan disenaraikan di dalam Penyata Akaun bulan yang berikut.
- IV. Jumlah Mata UNIRM yang dikumpul setiap bulan akan disenaraikan di dalam Penyata Akaun bulanan Ahli Kad utama. Sekiranya sistem yang menguruskan proses automatik ini tidak berfungsi, Mata UNIRM yang dikumpul akan dikreditkan secara manual dan disenaraikan di dalam Penyata Akaun Ahli Kad utama pada bulan seterusnya.
- V. Mana-mana Mata UNIRM yang dikumpul termasuk Mata UNIRM yang sedang dalam proses pengkreditan ke dalam akaun kad Ahli Kad utama tidak lagi sah dengan kadar segera sekiranya mana-mana keadaan berikut berlaku:
  - (a) Mana-mana pembatalan Kad Lady’s;
  - (b) Mana-mana penukaran Kad Lady’s kepada mana-mana Kad Kredit UOBM yang lain; atau

- (c) Akaun Kad Lady's didapati berada dalam keadaan tidak memuaskan sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM.
- VI. Tertakluk kepada penebusan mata melalui laman web Penebusan Ganjaran UNIRinggit di <https://www.uob.com.my/personal/cards/rewards/uniringgit-rewards-redemption.page>, Mata UNIRM tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak lain dan tidak boleh ditukarkan untuk mana-mana barang lain atau tunai.
- VII. Mata UNIRM yang dikumpul oleh Ahli Kad utama dan tambahan tidak mempunyai apa-apa nilai wang.
- VIII. Transaksi-transaksi berikut adalah dikecualikan untuk menerima Mata UNIRM:
- a) Pemindahan Baki;
  - b) Pelan Pembayaran Easi;
  - c) Pelan Pembayaran Ansuran Tanpa Faedah 0% ;
  - d) Pelan Flexi-Credit;
  - e) Transaksi runcit yang ditarik balik, dipertikai, tidak sah, atau tanpa kebenaran;
  - f) Pendahuluan Tunai;
  - g) Alimoni dan kos sara hidup kanak-kanak;
  - h) Denda oleh Mahkamah, kerajaan, pihak berkuasa negeri atau pihak berkuasa tempatan;
  - i) Pembayaran jaminan atau bon;
  - j) Pembayaran cukai kepada kerajaan;
  - k) Pembayaran kepada mana-mana jabatan kerajaan;
  - l) Transaksi minyak;
  - m) Transaksi pengangkutan;
  - n) Transaksi tambah nilai;
  - o) Bil utiliti;
  - p) Badan kebajikan; dan
  - q) Pembayaran yuran keahlian tahunan kad, pembayaran faedah, yuran pembayaran lewat, caj ke atas pengeluaran wang tunai, cukai, dan sebarang bentuk perkhidmatan atau yuran lain-lain menggunakan Kad Lady's UOBM.

#### **E. Luxepay Pelan Pembayaran Easi (“Pelan EPP Luxepay”)**

- I. Dengan Pelan ini, Ahli Kad boleh menukarkan pembelian runcit mereka yang dibuat dengan Kad Lady's untuk Jam Tangan Mewah, Barang Kemas, Kasut, dan/atau Beg yang bernilai RM2,000 dan ke atas untuk dibayarkan secara ansuran selama 6 atau 12 bulan, atau mana-mana tempoh lain yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa (“**Tempoh Pelan**”), tertakluk kepada yang berikut:-
  - a. pembelian haruslah dibuat secara atas talian di laman web rasmi kedai atau di mana-mana kedai di seluruh dunia seperti jadual Kod Kategori Penjual berikut (“**Jadual MCC**”) yang menjual barang kemas, kasut, dan/atau beg seperti aktiviti utama perniagaan;

- b. untuk transaksi antarabangsa, ia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) untuk menentukan sama ada transaksi tersebut layak mengikut Pelan EPP Luxepay ini dan harus berdasarkan rekod transaksi UOBM hanya dalam tempoh yang disebutkan dalam Terma dan Syarat Am untuk Pelan Pembayaran Easi Fasal II di bawah;
- c. pembelian harus dibayar dengan Kad Lady's yang semasa, sah, dan wujud;
- d. pembelian harus dalam transaksi dengan satu resit;
- e. ia berada dalam Had Kredit Akaun Kad Lady's; dan
- f. pembelian-pembelian tersebut harus didebitkan ke dalam Akaun Kad Kredit, direkodkan dalam Penyata Akaun semasa dan merupakan sebahagian daripada baki tertunggak semasa yang perlu dibayar dan tidak melepasi Tarikh Matang Pembayaran pada masa permohonan yang disebut dalam Fasal II di bawah.

Kategori	Kod Kategori Penjual (MCC)
Fesyen dan Kecantikan Runcit	5611 Kedai Pakaian dan Aksesori Lelaki
	5621 Kedai Sedia-untuk-dipakai Perempuan
	5631 Kedai Aksesori dan Keistimewaan Perempuan
	5641 Kedai Pakaian Kanak-kanak dan Bayi
	5651 Kedai Pakaian Keluarga
	5655 Kedai Pakaian Sukan dan Menunggang
	5661 Kedai Kasut
	5681 Kedai Bulu
	5691 Kedai Pakaian Lelaki dan Perempuan
	5699 Kedai Aksesori dan Pakaian—Lain-lain
	5941 Kedai Barang Sukan
	5944 Barang Kemas, Jam Tangan, dan Barangan Perak Dapur
5094 Batu Permata/Jam Tangan dan Barang Kemas	

#### F. Pelan Pembayaran Easi Kesihatan dan Kecantikan (“Pelan EPP Kesihatan dan Kecantikan”)

- I. Dengan Pelan ini, Ahli Kad boleh menukarkan pembelian runcit mereka yang dibuat dengan Kad Lady's untuk kesihatan dan kecantikan yang bernilai RM2,000 dan ke atas untuk dibayarkan secara ansuran selama 6 , dan pembelian dengan Kad Lady's bernilai RM4,000 dan ke atas dibayar secara ansuran selama 12 bulan, atau mana-mana tempoh lain yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa (“Tempoh Pelan”), tertakluk kepada yang berikut:--
  - a. pembelian haruslah dibuat secara atas talian di laman web rasmi kedai atau di mana-mana kedai di seluruh dunia seperti jadual Kod Kategori Penjual berikut (“**Jadual MCC**”) di mana aktiviti utama perniagaan tersebut adalah kesihatan dan kecantikan;
  - b. untuk transaksi antarabangsa, ia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) untuk menentukan sama ada transaksi tersebut layak mengikut Pelan EPP Luxepay ini dan harus berdasarkan rekod transaksi UOBM hanya dalam tempoh yang disebutkan dalam Terma dan Syarat Am untuk Pelan Pembayaran Easi Fasal II di bawah;
  - c. pembelian harus dibayar dengan Kad Lady's yang semasa, sah, dan wujud;
  - d. pembelian harus dalam transaksi dengan satu resit;
  - e. ia berada dalam Had Kredit Akaun Kad Lady's; dan

- f. pembelian-pembelian tersebut harus didebitkan ke dalam Akaun Kad Kredit, direkodkan dalam Penyata Akaun semasa dan merupakan sebahagian daripada baki tertunggak semasa yang perlu dibayar dan tidak melepasi Tarikh Matang Pembayaran pada masa permohonan yang disebut dalam Fasal II di bawah.

Kategori	Merchant Category Code
Health and Beauty	8071 Makmal Pergigian dan Perubatan
	7298 Spa Kesihatan dan Kecantikan
	7297 Pusat Urut
	7230 Tukang Gunting Rambut dan Kedai Kecantikan
	5977 Kedai Kosmetik
	8099 Pengamal Kesihatan, Perkhidmatan Kesihatan—tidak dikelaskan di mana-mana
	8062 Hospital

**Terma dan Syarat Am untuuk Pelan Pembayaran Easi (EPP) di E dan F di atas**

- I. Transaksi-transaksi yang tidak layak untuk Pelan tersebut termasuk Pendahuluan Tunai, Pemindahan Baki, Pelan Pembayaran Ansuran, Pinjaman Tanpa Faedah, SmartPay, Perkhidmatan Pembayaran Bil, mana-mana skema pelan pembayaran ansuran sedia ada UOBM atau institusi kewangan lain, yuran keahlian tahunan, baki tunggakan, atau mana-mana caj lain yang dikenakan oleh UOBM dalam Perjanjian, yuran, atau transaksi yang berkaitan dengan faedah dan promosi atau transaksi lain yang ditentukan oleh UOBM.
- II. **Ahli Kad boleh memohon untuk Pelan tersebut dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pembelian ("Tarikh Transaksi")** dengan menghubungi Pusat Panggilan UOBM dan/atau menyerahkan borang permohonan yang ditetapkan oleh UOBM melalui faks kepada Pusat Panggilan UOB di talian +603-2690 0121, atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM pada bila-bila masa.
- III. UOBM boleh meluluskan atau menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebarang sebab atas keputusan tersebut, dan menentukan amaun yang dibenarkan untuk ditukarkan ke Pelan tersebut, yang akan tertakluk, antara lain, kepada -
  - a. status Akaun Kad Kredit; dan
  - b. Had Kredit Akaun Kad Kredit sedia ada
- IV. Tiada faedah selanjutnya akan dikenakan sekiranya jumlah ansuran bulanan dibayar secara menyeluruh sebelum Tarikh Matang Pembayaran yang dinyatakan dalam Penyata Akaun. Jika tidak, yuran dan caj yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad akan dikenakan ke atas jumlah tunggakan.
- V. Setelah permohonan diluluskan, Had Kredit Ahli Kad yang sedia ada akan dikurangkan dengan jumlah yang sama dengan jumlah pembelian yang ditukarkan melalui Pelan EPP Luxepay atau Kesihatan dan Kecantikan ("**Jumlah**"). UOBM tidak akan bertanggungjawab terhadap Ahli Kad untuk sebarang transaksi yang ditolak oleh penjual disebabkan oleh Had Kredit yang tidak mencukupi. Definisi Had Kredit terdapat dalam Perjanjian Ahli Kad.

- VI. Semasa tempoh pembayaran balik, Jumlah tersebut akan dibayar balik secara ansuran serata ("**Bayaran Ansuran**"). Bayaran Ansuran akan didebitkan ke Akaun Kad Kredit dengan segera berikutan kelulusan permohonan, dan akan dinyatakan dalam Penyata Akaun bulan yang seterusnya dan harus dibayar selaras dengan Perjanjian Ahli Kad. Setelah setiap Bayaran Ansuran dibayar balik, jumlah bersamaan dengan bayaran yang dibuat akan dikembalikan kepada Had Kredit Ahli Kad.
- VII. Bayaran Ansuran dikira dengan membahagikan Jumlah dengan jumlah bulan Tempoh Pelan. Sekiranya berlaku keingkaran seperti yang dinyatakan dalam Fasal IX di bawah, keseluruhan Jumlah harus dibayar dengan kadar segera selaras dengan Perjanjian Ahli Kad.
- VIII. Ahli Kad dikehendaki membuat bayaran balik bulanan minimum yang akan merangkumi jumlah Bayaran Ansuran dan jumlah lain yang berkaitan termasuk pembayaran separa seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad, sebelum Tarikh Matang Pembayaran yang dinyatakan dalam Penyata Akaun. Sekiranya berlaku sebarang kelewatan atau kegagalan untuk membayar Bayaran Ansuran dan jumlah lain yang berkaitan (termasuk membuat pembayaran separa) seperti yang dinyatakan dalam Penyata Akaun, atau pembayaran tidak mencukupi untuk menyelesaikan Bayaran Ansuran pada atau sebelum Tarikh Matang Pembayaran, Ahli Kad akan dianggap telah melakukan sesuatu kelalaian dan UOBM akan mengenakan caj kewangan ke atas baki tertunggak dan yuran dan caj lain yang berkaitan.
- IX. **Ahli Kad boleh membatalkan penyertaannya dalam Pelan tertakluk kepada penerimaan notis bertulis satu (1) minggu terlebih dahulu (notis tersebut diberi kepada Pusat Panggilan UOBM) dan yuran pembatalan sebanyak RM50 (atau kadar lain seperti mana yang ditentukan oleh UOBM) oleh UOBM. Amaun berikut akan didebitkan ke Akaun Kad Kredit Ahli Kad.**
- X. Ahli Kad boleh memohon untuk Pelan ini lebih daripada sekali, tertakluk kepada kelayakan Ahli Kad di bawah terma dan syarat ini.
- XI. Jika mana-mana atau kombinasi yang berikut berlaku, jumlah tertunggak di bawah Pelan tersebut harus dibayar dengan kadar segera dan akan menanggung caj kewangan dan yuran pembayaran lewat yang berkenaan selaras dengan Perjanjian Ahli Kad
  - a. Terdapat pelanggaran mana-mana terma dan syarat ini;
  - b. Suatu peristiwa keingkaran berlaku menurut Perjanjian Ahli Kad;
  - c. Terdapat kelewatan atau kegagalan untuk membayar Bayaran Ansuran atau sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah Pelan;
  - d. Terdapat suatu kegagalan untuk membayar sebarang wang pada tarikh matang atau untuk melepaskan sebarang tanggungjawab atau liabiliti yang patut dibayar dari semasa ke semasa kepada UOBM untuk sebarang kemudahan perbankan/kredit yang diberikan;
  - e. Pelan ini ditamatkan untuk apa-apa sebab sekalipun;
  - f. Kad tersebut ditamatkan atau Akaun Kad Kredit ditutup untuk apa-apa sebab sekalipun; atau
  - g. Telah menjadi mustahil atau salah di sisi undang-undang bagi UOBM untuk menyediakan atau terus menyediakan Pelan tersebut.



- XII. Peristiwa-peristiwa di atas juga akan memberi hak kepada UOBM untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menyekat penggunaan Kad, dan untuk menggabungkan semua jumlah tertunggak ke dalam Akaun Kad Kredit utama.

### **Terma dan Syarat Am**

- I. UOBM berhak membatalkan, mengahenti, atau menggantung Program Gajaran secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberi pemberitahuan terlebih dahulu. Demi mengelakkan keraguan, pembatalan, pemberhentian, atau penggantungan Program Gajaran tersebut oleh UOBM tidak akan melayakkan Ahli Kad untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk apa jua dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pembatalan, pemberhentian, atau penggantungan tersebut.
- II. Ahli Kad layak untuk menyertai Program Ganjaran tersebut sekiranya Ahli Kad tidak melanggar sebarang terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad.
- III. Tanpa menjejaskan keluasan perkara di atas, sekiranya ganjaran diberikan kepada dan diterima oleh seorang individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang perbuatan penipuan atau kesalahan berhubung dengan penggunaan Kad Lady's UOBM dan/atau sebarang transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad Lady's UOBM mereka, UOBM berhak untuk membatalkan penyertaan individu tersebut daripada memperoleh atau menggunakan UNIRinggit dan Diskaun.
- IV. Peristiwa-peristiwa di atas juga akan memberi hak kepada UOBM untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menyekat penggunaan Kad, dan untuk menggabungkan semua jumlah tertunggak ke dalam Akaun Kad Kredit UOBM utama (jika berkenaan).
- V. Dengan menyertai Program Ganjaran masing-masing, Ahli Kad bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat Program Ganjaran dan Perjanjian Ahli Kad. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Program Ganjaran dengan Terma dan Syarat Kad berhubung dengan Program Ganjaran, terma dan syarat Program Ganjaran akan diguna pakai.
- VI. Keputusan UOBM untuk semua hal berkaitan dengan Program Ganjaran adalah muktamad dan terikat kepada Ahli Kad. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memberi sebarang sebab atau melayan sebarang surat-menyurat dengan sesiapa jua tentang apa-apa hal berkaitan dengan Program Ganjaran.
- VII. UOBM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Mastercard Worldwide/Visa International, para pedagang, pihak pos atau telekomunikasi yang berkuasa atau mana-mana pihak lain yang mungkin mengakibatkan Ahli Kad gagal berlayak menerima ganjaran di bawah Program Ganjaran.

- VIII. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk dan bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Program Ganjaran melainkan jika timbul daripada kecuaiannya UOBM atau salah laku semata-mata yang berkaitan dengan Program Ganjaran ini.
- IX. UOBM tidak merupakan rakan kongsi para pedagang dan/atau cawangan yang menyerta dan tidak membuat sebarang perwakilan atau waranti mengenai kualiti barang dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh para pedagang dan/atau cawangan yang menyerta.
- X. UOBM tidak bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk kerosakan atau ketidakpuashatian dengan kualiti barang dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh para pedagang dan/atau cawangan yang menyerta.
- XI. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak sah berkenaan dengan Program Ganjaran yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- XII. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Program Ganjaran.
- XIII. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, kempen, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Program Ganjaran ini, terma dan syarat Program Ganjaran akan didahulukan dan diguna pakai.
- XIV. UOBM berhak untuk menambah, memadam, atau/dan mengubah terma dan syarat Program Ganjaran, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis terlebih dahulu sebanyak dua puluh satu (21) hari kepada Ahli Kad melalui paparan di laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau memasukkan pernyataan dalam Penyata Akaun, dan apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.
- XV. UOBM berhak untuk membatalkan, menamatkan, atau menggantung Program Ganjaran dengan memberi notis terlebih dahulu. Demi mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, atau penggantungan Program Ganjaran oleh UOBM tidak melayakkan Ahli Kad untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan kesemua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dari apa-apa pembatalan, penamatan, atau penggantungan, kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiannya melampau atau salah laku sengaja UOBM yang berkaitan khususnya dengan Program di sini.

- XVI. Ahli Kad layak untuk ikut serta dalam Program dengan syarat Ahli Kad tidak mungkir pada mana-mana terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad.
  
- XVII. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemohon bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.